



88122427



International Baccalaureate®
Baccalauréat International
Bachillerato Internacional

MALAY B – STANDARD LEVEL – PAPER 1
MALAIS B – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1
MALAYO B – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1

Thursday 15 November 2012 (afternoon)
Jeudi 15 novembre 2012 (après-midi)
Jueves 15 de noviembre de 2012 (tarde)

1 h 30 m

TEXT BOOKLET – INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for Paper 1.
- Answer the questions in the Question and Answer Booklet provided.

LIVRET DE TEXTES – INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'Épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.


CUADERNO DE TEXTOS – INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la Prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

TEKS A

Mengunjungi Orang Melayu di Bali

- ➊ Siapa yang menyangka jika di Bali, tepatnya di Kabupaten Jembrana, terdapat masyarakat Melayu? Kewujudan mereka menunjukkan kedudukan Indonesia sebagai negara yang mempunyai penduduk pelbagai bangsa dan budaya serta agama.
- ➋ Pada mulanya, saya agak tidak percaya bahawa terdapat orang Melayu di Bali. Apatah lagi mereka sudah tinggal di sana sejak ratusan tahun lamanya. Yang menarik ialah orang Melayu di Bali hidup berdampingan dan harmonis dengan penduduk asli Bali. Hal ini disebabkan mereka saling menghormati budaya dan agama masing-masing. Walaupun begitu, satu hal yang nyata ialah identiti kemelayuan mereka tetap kukuh.
- ➌ Kebanyakan orang Melayu di Bali tinggal di dua buah kampung, yakni Loloan Barat dan Loloan Timur. Pada masa ini, jumlah penduduk Melayu di situ lebih kurang 55 000 orang. Mereka mengamalkan adat-istiadat dan tradisi Melayu dalam kehidupan sehari-hari. Tidak hairanlah saat memasuki kedua-dua kampung ini, suasana Melayu dapat dirasakan. Kebanyakan orang Melayu di sana berpakaian Melayu dan mengamalkan adat perkahwinan Melayu. Terdapat juga beberapa buah masjid dan sekolah agama atau madrasah di kampung itu. Hal ini merupakan petanda bahawa mereka beragama Islam.
- ➍ Bahasa yang digunakan oleh orang Melayu di Bali ialah bahasa Melayu. Walaupun demikian, terdapat beberapa keragaman di segi makna perkataan yang lazim digunakan oleh orang Melayu di Malaysia atau di Singapura. Contohnya, orang Melayu Bali menggantikan perkataan saya dalam bahasa Melayu di Malaysia dengan perkataan *awak*, kamu dengan *kau*, atau dia dengan *die*. Namun, tidak sedikit pula bahasa Melayu di sini terpengaruh dengan Bahasa Bali.
- ➎ Orang Melayu di Bali tinggal di rumah-rumah panggung yang dibuat daripada kayu. Namun, pada hari ini sudah banyak rumah orang Melayu yang dibina daripada batu dan di atas tanah. Meskipun demikian, corak Melayu tetap tak hilang dari rumah mereka. Penduduk Melayu di Bali juga sering menampilkan pertunjukan seni Melayu, seperti rebana dan silat ala Bugis. Semua yang saya lihat di Loloan, Bali, ini ialah bukti keragaman Indonesia. Tugas kita selanjutnya adalah menjadikan hal itu sebagai semangat untuk mencari persamaan manusia, bukan menonjolkan hanya perbezaannya.



Diubah suai daripada Yusuf Efendi, <http://melayuonline.com> (2006)

TEKS B

Budi yang tidak terbeli

“Bulan ini jangan bagi duit banyak-banyak kepada Mak. Mak bukan tahu belanja. Dia pun tak payah belanja. Padinya ada, sayurnya pun ada di kebun. Telurnya tak habis dimakan,” kata Jamal kepada Murni.

Jemu Murni mendengar cakap-cakap suaminya itu. Tanggungjawabnya kepada ibunya, Jemah, belum pernah dilalaikan. Kiriman wang kepada ibunya selalu tetap meskipun ibunya tidak meminta.

Pada suatu hari Murni dan Jamal terkejut apabila menerima surat daripada ibunya. Surat itu menyuruh Murni balik ke kampung segera. Apalah mustahaknya ibu menyuruh ia pulang. Sakitkah? Ada kenduri-kendarakah?

“Ah, nak minta bantu wang ringgit awaklah,” sahut Jamal.

“Abang selalu fikir yang buruk saja,” sanggah Murni.

“Ada apa Mak suruh Murni balik?” Murni bertanya kehairanan kerana dilihat ibunya sihat-sihat sahaja. Seperti biasa, wajah ibunya riang menyambut anak dan menantunya yang jarang pulang ke kampung.

“Tak ada apa-apap. Cuma aku perlukan cap jari kau tu,” jelas Jemah.

“Nak apa dengan cap jari Murni, Mak?”

“Aku nak menyalin nama tanah untuk engkau,” jawab Jemah. “Aku baru beli tanah,” jelas Jemah lagi.

“Tanah siapa yang Mak beli?” Murni semakin berselera bertanya.

“Long Kasah engkau nak berpindah ke Ulu Beting untuk membuka tanah baharu. Tanah tapak rumahnya itu dijual kepada aku. Jadi sebelum dia pindah, eloklah tukar nama.”

Murni terkaku seketika. Hatinya terharu mendengar berita itu. Begitu sekali ingatan ibu kepadanya.

“Wang yang engkau kirimkan setiap bulan itu aku kumpul, campur sedikit dengan wang jualan telur dan padi yang tak habis di makan.”

Murni memeluk ibunya. Air matanya mengalir ke pipi.

“Mak engkau ini orang miskin. Tak ada sawah ladang yang luas untuk menjadi harta pusaka kau. Itulah sahaja yang dapat Mak berikan untuk hari tuamu, Murni, Jamal,” nada suara Jemah semakin perlahan.

Hati Murni semakin hiba mendengarkan penjelasan ibunya. Jamal sama sedih. Teringat akan dirinya sendiri. Dia perancang ekonomi, tetapi tidak pernah terfikir untuk merancang masa tuanya. Rumahnya besar tetapi masih disewa. Keretanya besar tapi belum terbayar. Perabot rumahnya mahal-mahal tapi hutang. Malu hendak menentang muka ibu mertuanya.

Diubah suai daripada Khadijah Hashim,
Anak Laut: Antologi Kesusastraan Melayu Sekolah Menengah (2006)

TEKS C

DENGARLAH CERITA

- 5 ❶ Drama radio mempunyai sejarah yang agak panjang; iaitu semenjak diperkenalkan radio dalam kehidupan kita. Dalam kalangan para pendengar radio, khasnya golongan suri rumahtangga, drama radio ialah satu rancangan yang sering diikuti oleh mereka. Kebanyakan ceritanya merupakan kupasan pengalaman yang boleh dikaitkan dengan pengalaman harian mereka. Cerita duka dan bahagia dalam kehidupan berkeluarga merupakan satu bahan cerita yang boleh dikisahkan dengan beraneka ragam, asalkan cerita itu dapat memberikan sentuhan kepada perasaan atau jiwa para pendengar.
- 10 ❷ Kita mungkin juga pernah mendengar bagaimana cerita-cerita dari drama radio kadang-kadang menjadi bahan perbualan dalam kalangan pendengar. Cerita-cerita yang menyayat hati dan penampilan watak manusia yang baik dan kejam sering menjadi perbualan mereka, teristikewa apabila watak tersebut amat dekat dengan pengalaman mereka. Yang lebih menarik, ataupun yang sering dinantikan ialah drama yang khas diudarkan sempena hari-hari kebesaran seperti Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan Hari Kebangsaan. Drama-drama ini merupakan cerita yang telah dan boleh menceriakan lagi suasana hari-hari tersebut.
- 15 ❸ Pada umumnya, ciri-ciri **I – X – I** drama radio termasuklah mempunyai tema yang berkisar kepada persoalan yang **I – 20 – I** dihadapi dalam masyarakat. Tema ini memang **I – 21 – I** asing bagi pendengar. Jalan ceritanya **I – 22 – I** mudah dan cerita tersebut bertujuan untuk **I – 23 – I** pengajaran, kesedaran dan keinsafan kepada pendengar.
- 20 ❹ Drama radio juga mendapat khalayak yang jauh lebih banyak berbanding dengan drama pentas. Ini disebabkan oleh kemampuan radio mendekati setiap lapisan masyarakat di pelbagai tempat seperti di tepi pantai semasa berkelah atau di rumah semasa beristirehat. Drama radio boleh berfungsi sebagai hiburan dan pendidikan kepada masyarakat awam.
- 25

Diubah suai daripada *Gelombang Kasih: Antologi Drama Radio Anugerah Persuratan 1993–2001 (2004)*

TEKS D

Di Mana Silapnya?

Sebagai pegawai perpustakaan, saya hairan mengapa perpustakaan sekolah saya begitu lengang. Hendak dikatakan tidak cukup buku? Buku banyak; buku fiksyen ada, buku cerita ada, buku rujukan ada, majalah pun banyak. Hendak dikatakan suasana tidak menarik? Menarik. Kerusi meja teratur, berlangsir malah berpendingin udara. Suasana yang selesa ini sudah tentu baik untuk belajar!

Untuk mendapat maklumat lanjut, saya bertanya dengan rakan-rakan sejawatan dari sekolah lain.

“Sama sahaja. Sekolah saya pun serupa. Selalu lengang. Kalau ada pun pelajar datang bersama guru. Tidak ramai yang membuat penyelidikan sendiri. Selepas waktu sekolah, yang ada hanya pustakawan yang bertugas sahaja. Aku pun tak tahu di mana silapnya.”

“Mungkin membaca bukan lagi satu hobi bagi pelajar. Tidak seperti zaman kita dahulu. Seronok kalau dapat buku dari perpustakaan. Banyak ilmu pengetahuan yang boleh didapati di samping keseronokan membaca. Maklumlah hendak beli buku tidak mampu.”

“Mungkin juga. Mereka sekarang senang. Bukan setakat buku-buku sahaja yang boleh dibelikan oleh ibu bapa, malah komputer pun boleh. Bermain komputer dan melungsuri internet lebih mengasyikkan. Mereka juga hanya menggunakan komputer untuk mencari maklumat.”

“Tetapi, di perpustakaan juga di sediakan komputer. Aku lihat ada pelajar yang menggunakan untuk mencari maklumat. Maklumlah komputer ini memang boleh dijadikan alat yang penting dalam pembelajaran.”




“Bagaimana dengan guru-guru sekolah pula? Rajinkah mereka ke perpustakaan?”

“Kalau hendak kata tidak ada langsung, bohonglah! Ada juga seorang, dua. Guru sibuk membuat persediaan mengajar dan memeriksa latihan pelajar. Kami ada membawa buku rujukan dan buku baharu untuk pelajar ke bilik guru. Mereka boleh menggunakan bahan tersebut untuk menyediakan pengajaran mereka. Terdapat sedikit perubahan. Daripada seorang dua, bertambahlah kepada empat, lima orang.”

“Apa agaknya yang boleh kita lakukan lagi?”

“Kempen sudah, pertandingan membaca dan bercerita pun sudah. Mungkin ada cara lain yang dapat difikirkan untuk menarik pelajar dan guru menggunakan perpustakaan secara optimum.”

“Kita tidak boleh menyerah kalah kerana bagi saya buku masih menjadi sumber ilmu terpenting.”



Diubah suai daripada Hamedah Wok Awang, *Cerita-Cerita Motivasi untuk Guru* (2004)